



PERCUMA 27 Julai - 3 Ogos 2012, 7 - 14 Ramadan 1433



Warta tanah  
untuk bina  
sekolah

muka 10

Projek rumah  
terbengkalai PJS1  
selesai

muka 5

Tuntut SYABAS  
serah konsesi  
air

muka 3



Gambar oleh Heimy Dawi

## PENYAYANG...

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menyampaikan sumbangan hari raya kepada 100 orang anak yatim, pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Hadir sama, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Dalam majlis tersebut baginda juga menyampaikan sumbangan berjumlah RM400 setiap seorang kepada 100 orang asnaf fakir, 100 orang asnaf miskin dan 100 orang asnaf saudara baru

# Tiada krisis air di Selangor, Syabas gagal mengurus

Oleh AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Jawatankuasa yang dilantik bagi meneliti situasi sebenar bekalan air di Selangor mendapati tiada krisis air di Selangor seperti yang digembar-gemburkan sesetengah media.

Laporan pertama Jawatankuasa Pemantauan Air mendapati kawasan yang mengalami gangguan bekalan seperti di Cheras memang telah sekian lama mempunyai masalah itu.

Jawatankuasa itu yang diketuai Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi mendapati Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) tidak mengurus industri air terawat dengan baik.

Syabas beroperasi di bawah keupayaan sebenar kerana tidak cukup kapasiti

untuk mengagihkan air terawat.

Syabas juga didapati tidak melaporkan rizab air terawat dengan tepat dengan mengatakan ia pada paras 2 peratus. Jawatankuasa itu mendapati rizab kapasiti pengeluaran sebenar adalah 11 peratus.

Penemuan-penemuan ini menjustifikasikan usaha Kerajaan Selangor untuk mengambil alih operasi Syabas.

"Syabas gagal memenuhi tanggungjawab untuk membekalkan air terawat yang secukupnya kepada pengguna seperti yang dipersetujui dalam Penjanjian Penswastan Air 2004," kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Rizab kapasiti pengeluaran air ini akan meningkat kepada 18 peratus selepas Mac 2013 apabila Projek Mitigasi 1 yang dilaksanakan siap sepenuhnya.

"Ia akan meningkatkan pengeluaran kepada 5,139 juta liter sehari (JLH), iaitu penambahan 332 JLH atau lebih 768 JLH berbanding keupayaan agihan Syabas," Abdul Khalid berkata kepada pemberita dalam sidang media, hari ini.

Jawatankuasa Pemantauan Air ditubuhkan bagi mendapat gambaran sebenar rawatan dan pengedaran air terawat di Selangor.

Mengikut perjanjian, Syabas, sebuah syarikat swasta, dipertanggungjawabkan bagi mengendalikan operasi rawatan dan pengedaran air di Selangor.

lihat muka 2

**selangorku**  
www.selangorku.com

# Borang khas diskaun cukai pangsapuri kos rendah

**SHAH ALAM** - Pemilik pangsapuri kos rendah di seluruh Selangor hanya perlu mengisi borang khas dan membawanya ketika membayar cukai bagi membolehkan mereka mendapat potongan 25 peratus cukai taksiran berkenaan.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Iskandar Samad berkata, borang tersebut disediakan bagi memudahkan segala proses berkaitan dan mengesahkan bahawa mereka adalah pemilik serta mendiami sendiri kediaman mereka.

Menurutnya, borang khas yang lengkap diisi boleh disahkan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC), Ahli Majlis Perbadanan Pengurusan (MC), Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) setempat.

lihat muka 2

# Talian bebas tol atasi masalah air

Oleh LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - Orang ramai yang mengalami masalah gangguan air boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-2824 untuk tindakan segera Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga akan menyediakan tangki-tangki ke kawasan-kawasan yang bertahun-tahun mengalami kekurangan air, kata Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Tangki dan talian aduan tersebut antara inisiatif yang diambil Kerajaan Negeri bagi

mengatasi gangguan bekalan air yang disebabkan kegagalan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) mengurus air terawat.

"Talian ini dahulunya disediakan untuk aduan masalah sampah awal tahun lalu dan kini kita buka talian untuk aduan masalah air," ujarnya dalam satu sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di sini.

Selain itu, beliau turut memberitahu Kerajaan Negeri akan menghantar pasukan pemantau untuk bertemu rakyat dalam menghadapi isu air ini.

"Saya minta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama dengan anggota Exco Negeri bertemu rakyat bagi mencari penyelesaian masalah air," tambah beliau.

Dalam isu berkaitan, Abdul Khalid berkata sebarang permohonan berkaitan Projek Langat 2 harus dirujuk terus dan mendapat kelulusan hanya daripada Menteri Besar.

"Kita tidak masuk campur



urusan Kerajaan Pusat jika mereka ingin meneruskan namun mereka tetap perlu berdepan kelulusan kita dalam perkara tertentu," beritahunya.

Pada Julai 16, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin

berkata, Kerajaan Pusat sanggup mengeluarkan dana bagi menyiapkan projek pemindahan air Langat 2.

Kerajaan Selangor berpendi-

**Kita tidak masuk campur urusan Kerajaan Pusat jika mereka ingin meneruskan namun mereka tetap perlu berdepan kelulusan kita dalam perkara tertentu**

rian projek RM 6 bilion menelan belanja yang terlalu tinggi dan hanya patut dilakukan selepas Kerajaan Negeri mengambilalih industri air Selangor.



**BINCANG...** Exco Selangor, Elizabeth Wong dan Adun Taman Medan, Haniza Talha mendengar pandangan penduduk Petaling Jaya ketika sesi Dialog Bajet Selangor 2013 peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Ternyata majlis dialog yang dianjurkan Kerajaan Negeri ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat. Setiap pandangan dikemukakan dalam majlis ini akan diteliti dan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam bajet pada tahun depan

dari muka depan

## Syabas tidak laksanakan tugas dengan betul

Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk mengambil alih atau 'step in' operasi Syabas kerana mendapati syarikat itu tidak melaksanakan tugasnya dengan sempurna.

Katanya, Kerajaan Negeri telah menyediakan dokumen lengkap bagi tujuan tersebut, di samping bersedia menyertai pengurusan Syabas pada bila-bila masa sahaja untuk baiki kelemahan Syabas

## Perlukan dokumen yang sah

"Mereka perlu mengemukakan dokumen yang sah di sisi undang-undang untuk mengesahkan bahawa mereka adalah pemilik atau waris yang sah. Pengurangan akan diberikan tanpa menunggu kesemua maklumat pembeli di sesebuah pangsapuri diperolehi.

"Mana-mana pemilik yang datang membuat pembayaran bersama borang khas yang telah disahkan akan mendapat pengurangan itu," katanya dalam sidang media selepas Mesyuarat Exco

Kerajaan Negeri di Bangunan SUK di sini.

Sebelum ini, Iskandar menjelaskan, Kerajaan Negeri bersetuju dengan satu mekanisme bagi pemilik pangsapuri kos rendah mendapat potongan 25 peratus untuk cukai taksiran.

Beliau berkata, kelayakan untuk mendapatkan pengurangan cukai taksiran tersebut adalah pemilik yang mendiami sendiri kediaman mereka atau yang didiami waris pemilik serta pemilik yang tidak mempunyai tunggakan.

## Terlebih bayar Talam ketika era Umno-BN - Teresa

**SHAH ALAM** - Kenyataan Ketua Biro Pemuda MCA, Datuk Chua Tee Yong bahawa Kerajaan Negeri terlebih bayar RM1.8 juta melalui pembelian unit pejabat daripada Talam Corporation (Talam) ternyata merepek dan melulu.

Exco Kerajaan Negeri, Teresa Kok (**gambar**) dalam satu sidang media selepas Mesyuarat Exco sebaliknya mendakwa, segala urusan niaga pembelian itu dilakukan ketika Selangor ditadbir Kerajaan Umno-BN.

"Nampaknya beliau tidak mengkaji dahulu latar belakang urusan niaga tersebut yang ditan-datangani pada 12 Januari 2006, iaitu sewaktu pemerintahan BN," jelasnya.

Pendidikan Industries YS Sdn Bhd (Unisel) dan Kumpulan Darul Ehsan (KDEB) menyertai satu perjanjian penyelesaian dengan Maxisegar Construction Sdn Bhd yang pada waktu itu berhutang dengan Unisel.

Perjanjian pertama yang bertarikh 29 Julai 2005 melibatkan penjualan tanah seluas 1, 715.9 ekar di Bestari Jaya pada harga RM80, 000 seekar.

Surat bertarikh 10 Januari 2006 pula bersetuju untuk menyerahkan lima unit Menara Pandan - Pandan Indah pada nilai RM 2.7 juta yang ditandatangani pada Januari 2006.

**Nampaknya beliau tidak mengkaji dahulu latar belakang urusan niaga tersebut yang ditandatangani pada 12 Januari 2006 iaitu sewaktu pemerintahan BN**

**- TERESA KOK**  
Exco Kerajaan Negeri

Penyelesaian susulan ditan-datangani pada 8 Mac 2007 untuk memanjangkan perjanjian sebelumnya, selain menyerahkan 12 ekar tanah di Puncak Jalil pada harga RM11 juta, 400 ekar tanah di Ulu Yam pada harga RM27.2 juta, selain tambahan 538.96 ekar di Bestari Jaya pada harga RM43.117 juta.

Unisel dan KDEB setuju dengan penyelesaian tersebut kerana Maxisegar pada waktu itu di bawah petisyen ancaman dan perjanjian itu juga diterima oleh mahkamah di bawah Perintah Menghalang S17.

"Apabila Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih Selangor, kami terpaksa mematuhi perjanjian yang ditandatangani oleh kerajaan terdahulu yang diluluskan oleh mahkamah," tambah Teresa.



# Tuntut SYABAS serah konsesi air

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Lebih 500 orang berhimpun di hadapan pejabat Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) di Wisma Rozali, di sini, bagi menuntut Syabas menyerahkan pengurusan konsesi air kepada Kerajaan Negeri

Desakan itu dibuat berikutan membantah cadangan Syabas mencatu bekalan air dan juga kegagalan syarikat itu menyediakan bekalan air terawat yang mencukupi kepada pengguna seperti yang termaktub dalam perjanjian konsesi.

Demonstrasi ini dianjurkan

Angkatan Muda Keadilan (AMK), kumpulan berkenaan membawa kain rentang dengan slogan 'Kembalikan Air Kepada Rakyat', 'Hentikan Catuan Air', 'Pecat Tan Sri Rozali Ismail', 'Air Bukan Politik Jangan Politikkan Air', 'Kerajaan Negeri Segera Ambil Alih Syabas' dan 'Syabas Peras Ugut Rakyat Selangor'.

Satu memorandum yang mengandungi tujuh perkara juga disampaikan kepada Pengarah Eksekutif dan Pentadbiran Sumber Manusia, Ismail Hashim untuk diserahkan kepada Pengerusi Eksekutif Syabas, Tan Sri Rozali Ismail.

Naib Ketua AMK, Azmizam Zaman Huri berkata, pihaknya melihat beberapa tindakan Syabas yang tidak profesional, malah tidak mengutamakan keperluan pengguna dengan mensabotaj Kerajaan Negeri menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13).

"Tindakan sabotaj ini sengaja ditimbulkan bagi mengundang kemarahan rakyat, antaranya cadangan catuan air dengan alasan kononnya bekalan air terawat tidak mencukupi dan menyalahkan Kerajaan Negeri atas keengganan



**DESAK... Rakyat Selangor menuntut Syabas serahkan pengurusan konsesi air kepada Kerajaan Negeri Bawah: Azmizam sedang berbincang dengan pihak Syabas**

meluluskan Projek Langat 2.

"Kita tidak mahu Syabas terus menganiaya rakyat dan menjadi orang suruhan Umno-BN dengan mengugut rakyat. Hentikan politik ugutan," katanya.

Memorandum yang mengandungi tujuh perkara itu antaranya ialah perkhidmatan Syabas yang tidak memuaskan, kedudukan kewangan Syabas yang membimbangkan, bantahan cadangan catuan air dan desakan menyerahkan operasi air terawat kepada Kerajaan Negeri.



## BANTAHAN BERASAS KEPADA 7 PERKARA

- 1) Bantahan catuan air
- 2) Serah operasi air kepada Kerajaan Negeri
- 3) Perkhidmatan Syabas tidak memuaskan
- 4) Kewangan Syabas yang membimbangkan
- 5) Tolak projek Langat 2
- 6) Henti sabotaj Kerajaan Negeri
- 7) Kerajaan negeri lebih cekap mengendalikan operasi air terawat.

## NGO sokong ambi alih urus air

**PETALING JAYA** - Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di bandaraya ini menyokong usaha Kerajaan Negeri mengambil alih operasi industri air Selangor dan membantah penswastaannya seperti yang berlaku sekarang.

Langkah Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat (PR) dilihat mengutamakan kehendak rakyat yang jelas memerlukan air sebagai barangan keperluan asas dalam kehidupan.

Mereka juga menolak usaha untuk mencatu air atau 'water rationing', yang mahu dikendalikan Syabas baru-baru ini.

Walaupun mereka menyokong dasar pemberian 20 meter padu air percuma, NGO yang hadir pada sesi dialog bajet Selangor 2013 meminta supaya ia dihadkan kepada isi rumah yang berpendapatan bawah RM3,000 sebulan.

Presiden Persatuan Penduduk Bandaraya Sri Damansara, T S Gooi berkata, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan yang menguntungkan masyarakat Selangor yang ketika ini menanggung kos sara hidup yang tinggi.

Sehubungan itu katanya, pihaknya mengalu-alukan langkah penstrukturan semula industri air kerana pengguna tidak seharusnya dibebankan dengan tarif air yang tinggi

**Dasar yang akan dipraktikkan Kerajaan Negeri ini bagus yang mana ia memihak kepada kepentingan rakyat dan kita menyokong langkah ini**

**- T S GOOI**  
Presiden Persatuan Penduduk Bandaraya Sri Damansara

yang hanya menguntungkan pihak tertentu.

"Dasar yang akan dipraktikkan Kerajaan Negeri ini bagus yang mana ia memihak kepada kepentingan rakyat dan kita menyokong langkah ini.

"Penswastaan air juga dilihat tidak wajar kerana ia boleh meningkatkan tarif air. Kita juga berharap banyak lagi pendekatan yang mesra rakyat akan diperkenalkan demi menjaga kepentingan rakyat di Selangor," katanya.

Gooi berkata demikian kepada selepas Majlis Dialog Bajet Selangor 2013 peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini.

## Gaji RM400,00 tetapi gagal bekal air terawat

**PETALING JAYA** - Bergaji RM400,000 sebulan tetapi tidak menjalankan tugas sepertimana yang dipertanggungjawab hingga rakyat Selangor gagal mendapatkan bekalan air terawat yang konsisten daripada Syabas.

Faktor inilah yang menyebabkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bertekad akan memberhentikan bayaran gaji kepada Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) kerana tidak menjalankan tugas sepertimana dipertanggungjawabkan.

"Sebab apa saya tak nak bayar? Gaji dia dapat, tapi kerja tak nak buta, mana boleh. Saya tak boleh bagi gaji buta.

"Boleh jadi sebelum 2008 dia boleh dapat gaji buta, tapi sekarang tak boleh sebab kalau tidak saya suruh rakyat semua pergi ke rumah dia tuntutan duit itu.

"Saya mahu rakyat dapat nilai untuk wang itu," kata Abdul Khalid

di sini.

Abdul Khalid berkata, Kerajaan Selangor akan tetap mengambil alih pengurusan Syabas.

Mengikut perjanjian pada 2004, Syabas, sebuah syarikat swasta, dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan sistem rawatan dan pengedaran air di Selangor.

Beliau berkata, Kerajaan Selangor boleh mengambil alih pengurusan Syabas atau 'step ini' apabila terbukti syarikat tersebut tidak mampu menjalankan tugasnya kepada pengguna air Selangor.

"Saya seorang profesional walaupun saya ahli politik, tujuan saya bukan untuk menyalahkan sesiapa baik Syabas, Kerajaan Pusat atau Kerajaan Selangor.

"Pengguna kata dia nak air bersih, paip dia mesti ada air dengan harga yang terbaik. Apapun saya akan betulkan sehingga pengguna dapat perkhidmatan yang terbaik," katanya.

# Sabah termiskin, PM gagal tunai janji

Oleh AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Statistik Jabatan Perangkaan yang menunjukkan Sabah mendahului sebagai negeri termiskin (kadar kemiskinan 19.7 peratus) menunjukkan slogan 'Janji Ditepati' Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kosong semata-mata.

Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Hiew King Cheu, berkata, sebenarnya rakyat Sabah sudah menjadi rakyat kelas ketiga dan terus terpinggir di sebalik pembangunan pesat negeri lain, meskipun mempunyai hasil bumi yang banyak.

"Memang sekiranya rakyat

ingin maju perlu ada peluang ekonomi, industri, dan pekerjaan, namun di Sabah semua itu hanyalah sekadar mimpi. Kerajaan Pusat mengumumkan projek besar, namun akhirnya hanya tinggal cakap-cakap kosong sahaja.

"Mengapa Sabah masih miskin teruk sedangkan kita mempunyai pengeluaran minyak yang banyak? Penduduk di kampung masih ramai yang tidak mampu memperoleh pendapatan RM300 sebulan. Secara jujur saya katakan Kerajaan Negeri (Sabah) dan Persekutuan tidak berguna," katanya.

Menurutnya, suatu ketika



Hiew King Cheu

dahulu Sabah pernah menjadi antara negeri terkaya di Malaysia pada tahun 1970-an, namun kini sepi dengan kehadiran pelabur, sebaliknya dihujani dengan ke-

hadiran pendatang asing.

Menurut laporan itu, Malaysia mengalami sedikit peningkatan dalam kadar kemiskinan antara 2007 dan 2009, yang pertama sejak berakhirnya krisis kewangan Asia pada 1999, demikian mengikut kajian yang dijalankan Jabatan Perangkaan.

Kadar kemiskinan naik daripada 3.6 peratus pada 2007 kepada 3.8 peratus pada 2009, manakala kadar kemiskinan tegar kekal pada 0.7 peratus.

Selain Sabah, laporan itu juga menunjukkan negeri Perlis (6 peratus) berada di tangga ke dua, Sarawak dan Kedah

(masing-masing 5.3 peratus) berkongsi di tempat ke tiga.

Jelas Hiew King Cheu, berdasarkan kepada situasi ini, slogan 'Rakyat Diketepi' lebih sesuai diluncurkan oleh Najib berbanding 'Janji Ditepati' bagi mencerminkan kredibiliti pemerintahan Umno-BN yang selama ini gagal meningkatkan gaji dan mengawal kos sara hidup rakyat.

Najib dalam bajetnya sebelum ini menjanjikan peruntukan yang besar kepada Sabah dan Sarawak, kononnya bagi tujuan pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di negeri berkenaan.

## Kalah tender dapat projek sistem kawalan udara

**KUALA LUMPUR** - PKR mendakwa sebuah syarikat Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd (AAT) yang kalah dalam tender mendapatkan Projek Sistem Kawalan Udara di KLIA2 diberikan kepercayaan menguruskan projek tersebut.

Perkara ini didedahkan oleh Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar dalam satu kenyataan media.

Sebelum ini beliau mendedahkan di parlimen, sebuah sistem radar yang dibangunkan Selex Sistemi Integrati (Selex) dan Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd (AAT) di Pusat Kawalan Trafik Udara Nasional (NATCC) di Subang menghadapi masalah dan menjejaskan aliran trafik udara di negara ini.

"Bagi projek KLIA2, syarikat AECOM dilantik menjadi konsultant kepada MAHB dan memulakan pengumpulan maklumat, data dan laporan sejak Februari 2010 untuk memberikan pendapat komprehensif; terutamanya di dalam tiga aspek, iaitu sistem kawalan udara, prosedur dan peralatan.

"AECOM juga mendapati ada keraguan dalam keberkesanan sistem kawalan udara Selex dan mengesyorkan peningkatan sistem kawalan udara supaya ia dinaik taraf dan kekal relevan supaya dapat menangani kapasiti penerbangan dengan lebih baik dan berkesan apabila KLIA2 dibuka nanti," jelas Izzah.

Tambahnya, meskipun laporan penilaian teknikal AECOM



Nurul Izzah Anwar

bertarikh 9 Disember 2011 mengiktiraf kebolehan syarikat AMP Corporation (M) Sdn Bhd (AMCOP) untuk melaksanakan projek tersebut dengan baik dan menyorotkan AMPCOP dipilih.

"Namun akhirnya projek ini diberikan kepada AAT - sebuah syarikat yang, mengikut laporan penilaian teknikal tersebut, tidak memenuhi spesifikasi teknikal yang diperlukan untuk projek ini.

"Walaupun nilai bidaan AAT adalah lebih rendah daripada AMCOP, kelulusan hanya boleh diberikan sekiranya AAT menepati kesemua keperluan teknikal yang disenaraikan," kenyataan itu dipetik.

Izzah menggesa agar MAHB dan MOT wajib menjawab dan menjustifikasikan penganugerahan projek sistem kawalan udara KLIA2 kepada AAT kerana kita tidak mahu keselamatan orang awam diperjudikan dengan pemilihan semberono.

## Fitnah Umno-BN tidak jejas imej MB



SAMBUTAN... orang ramai ambil peluang bersalaman dengan Anwar, sebaik selesai ceramah

**KLANG** - Walaupun difitnah dengan pelbagai isu, ia langsung tidak menjejaskan imej Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim selaku Menteri Besar yang tiada tolok bandingnya dengan yang sebelum ini, beritahu Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar yang juga Penasihat Ekonomi Selangor berkata, penyebaran fitnah dan tohmahan dalam pelbagai isu ini berpunca daripada Umno-BN.

Bagaimanapun katanya, walaupun pelbagai tohmahan yang dilemparkan, Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Abdul Khalid mampu menyelesaikan

kan masalah dengan baik hanya dalam tempoh empat tahun.

"Dia (Umno-BN) fitnah macam-macam, seolah-olah pemimpin mereka itu baik sangat. Kamu nak fitnah isu Talam, agaknya dia lupa siapa yang bagi tanah kepada syarikat yang tidak bayar apa-apa tetapi geran tanah dapat.

"Bila kita mentadbir, tanah yang beribu-ribu ekar itu sudah nak dilelongkan ke bank, tetapi Menteri Besar ambil balik tanah itu dan kata kita jahat. Umno-BN ini lupa agaknya," katanya dalam ceramah Merdeka Rakyat di Kampung Jalan Kebun.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah Mahmud berkata, Ketua Biro Profesional Muda MCA, Datuk Chua Tee Yong dilihat seolah-olah mahu menjadi 'hero' dengan mencari kelemahan Kerajaan Negeri.

"Dia tuduh kita. Dia mahu samakan Pakatan Rakyat (PR) dengan Umno-BN yang mengamalkan rasuah. Kenapa MCA yang 'berbunyi', kenapa tidak Umno Selangor? Sebab dia tahu Umno Selangor tidak berani, takut terburai rahsia mereka selama ini. Itu sebab dia mahu laga-lagakan kita, sebab dia sudah kehabisan idea," katanya.

# Projek rumah terbengkalai PJS1 selesai

Oleh HAFIZAN TAIB

**PETALING JAYA** - Keresahan lebih 260 pembeli rumah kos rendah Blok E Petaling Jaya Selatan Satu (PJS1) di sini, dijangka berakhir apabila Kerajaan Negeri Selangor bertindak mengambil alih projek itu yang terbengkalai lebih sembilan tahun.

Rata-rata pembeli yang sekian lama menduduki kawasan setinggian berhampiran dengan tapak projek, melahirkan kekecewaan dengan tindakan Kerajaan Negeri itu.

Bagi peniaga, Mat Saperi Lebai Ayob, 57, tindakan Kerajaan Negeri yang mahu mencari jalan penyelesaian wajar dipuji.

“Sebagai pembeli yang rumah sudah terbengkalai lebih sembilan ke sepuluh tahun, (saya) beranggapan isunya akan selesai tidak lama lagi.

“Memang perkara ini sudah lama sangat dan pembeli amat sedih dan kecewa. Ada yang sudah uzur, tua dan ada yang sudah meninggal dunia.

“Dengan kehadiran Menteri Besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) berdialog bersama semua pembeli, saya rasa satu keputusan yang baik akan diperolehi kita semua,” beliau ditemui selepas majlis perjumpaan Menteri Besar bersama pembeli Rumah Kos Rendah (RKR) Blok E Unit PJS1 di Bangunan Serbaguna Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di sini.

Projek itu melibatkan pembinaan 262 unit pangsapuri kos rendah yang dimulakan pada 2003.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembeli Blok E PJS1, M Sugumaran berharap Kerajaan Negeri dan mengadakan perbincangan dan mesyuarat dengan jawatankuasa penduduk secepat mungkin bagi mencari jalan penyelesaian.

“Saya yakin sebagai kerajaan yang prihatin dan berkeadilan, masalah kami ini akan dapat diselesaikan,” katanya.

Sementara itu, Abdul Khalid dalam sidang media berkata, satu jawatankuasa bertindak akan ditubuhkan bagi mencari penyelesaian dalam perkara itu.

“Saya arahkan Iskandar bersama Datuk Bandar dan wakil penduduk mengadakan perbincangan dan dalam bulan puasa ini sekurang-kurang dua kali supaya semua perkara dapat diselesaikan.

“Bagaimanapun keputusan hanya akan boleh dibuat selepas proses pengambilalihan tanah bagi menjayakan projek tersebut,” katanya.

**Dengan kehadiran Menteri Besar (Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim) berdialog bersama semua pembeli, saya rasa satu keputusan yang baik akan diperolehi kita semua**

**- MAT SAPERI LEBAI**  
Pembeli Rumah Terbengkalai



**SELESAI...** Menteri Besar menjawab permasalahan pembeli menerusi perbincangan dua hala



**KHUSYUK...** DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sedang menerangkan sesuatu sambil diperhatikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan pimpinan Kerajaan Negeri sewaktu meninjau sistem teleskop di Balai Cerap, Sabak Bernam. Balai Cerap ini berperanan sebagai pusat pendidikan dan penyebaran dakwah, selain menjalankan aktiviti falak seperti melihat anak bulan, mencerap objek di langit, seperti bintang, planet, buruj, komet dan meteor

## Pelan strategik LPHS bantu rakyat miliki rumah

**SHAH ALAM** - Dalam usaha memastikan pembangunan mampan dari sektor perumahan dan hartanah, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) mengambil pendekatan dengan melancarkan Pelan Strategik LPHS meliputi tahun 2012 hingga 2022.

Pelan strategik yang dilancarkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim di Dewan Jubli Perak bertujuan menggariskan hala tuju dan menetapkan matlamat jangka panjang organisasi itu dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menurut Abdul Khalid, pelan itu turut merangkumi tugas dan visi LPHS yang memfokuskan agar rakyat Selangor memiliki kediaman sendiri.

“Rancangan kita ialah untuk mempunyai program kediaman bagi semua rakyat. Konsep yang kita perkenalkan merangkumi konsep kekeluargaan di mana semua orang diberi peluang untuk memiliki kediaman.

“Oleh itu, kita sentiasa galakkan golongan kurang berkemampuan untuk mendaftar di bawah skim rumah kos rendah supaya keutamaan boleh diberikan kepada mereka yang berkelayakan,” katanya sewaktu perhimpunan



**Pembeli mengambil peluang menyuarakan pertanyaan kepada Menteri Besar tentang masalah yang dihadapi**

bulanan di SUK di sini.

Dalam pada itu, Abdul Khalid berkata, Kerajaan Negeri juga kini dalam usaha membantu para pembeli projek perumahan terbengkalai untuk mendapatkan semula hak mereka.

Jelasnya, projek itu meliputi Bukit Botak, Taman Alam Perdana di Kuala Selangor dan Kampung Berembang Indah, Ampang.

“Program setinggian sifar pada zaman BN bukan bertujuan menyelesaikan masalah perumah-

mahan setinggian atau peneroka bandar tetapi mengaut keuntungan.

“Akibatnya banyak projek perumahan terbengkalai dan disiapkan tidak ikut spesifikasi menyebabkan kehidupan peneroka bandar tidak berubah,” jelasnya.

Hadir sama, Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS), Datuk Teng Chang Khim, Ketua Pengarah Eksekutif LPHS, Datin Padukan Alinah Ahmad dan Exco Selangor.

# Seramai 168 terima khairat kematian



**Menteri Besar menyerahkan baki SMUE kepada pewaris**

Oleh LIZAWATI MADFA

**SUNGAI BULOH** - Skim Mesra Usia Emas (SMUE) membawa kebaikan bukan sahaja kepada warga emas yang berdaftar, malah turut memberi kelebihan kepada ahli keluarga yang lain.

Mohd Hanif Husin, 62, berterima kasih atas pemberian wang khairat kematian kerana dapat membantu menguruskan pemergian arwah ibunya pada pertengahan bulan lalu.

"Sememangnya saya sangat setuju dengan langkah Kerajaan Negeri mewujudkan skim sebegini kerana sekurang-kurangnya dapat bantu kami mengurus jenazah dengan lebih baik.

"Dengan wang yang diterima hari ini, insya-Allah saya ingin menaik taraf kubur arwah ibu dengan batu marmar, selain



menganjurkan kenduri tahlil untuknya," ujar Mohd Hanif yang berasal dari Paya Jaras.

Keluarga warga emas yang berdaftar dengan SMUE akan menerima RM1,500 di bawah program khairat kematian.

Mohd Hanif antara 168 penerima wang khairat kematian SMUE yang diraikan di Dewan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Paya Jaras, sempena Program Khas Mesra Rakyat di sini, baru-baru ini.

Seorang lagi penerima, G Nela, 59 (**gambar**), berkata, beliau sangat berbesar hati dengan langkah bijak Kerajaan Negeri yang disifatkannya sebagai berpandangan jauh.

"Di mana lagi di Malaysia kita mahu cari pemberian wang khairat kematian seperti ini?"

"Sebelum 'pergi' kita dijaga

dengan pelbagai kebajikan, apabila sudah 'pergi', keluarga yang ditinggalkan pun tidak terbeban untuk mengurus jenazah, lebih-lebih lagi kepada keluarga miskin," jelas beliau yang hadir ditemani anak.

Sebanyak RM252,000 disumbangkan kepada 168 penerima dari 10 kawasan DUN dan kesemuanya disampaikan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Turut hadir dalam program tersebut, barisan Exco Kerajaan Negeri, Dr Ahmad Yunus Hairi, Ronnie Liu, Dr Halimah Ali, Rodziah Ismail, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, selain Penyelaras DUN Paya Jaras, Khairuddin Othman.



**Iskandar menjawab kemusykilan orang ramai di kaunter aduan**

## Terus terang cara terbaik selesai masalah

**PUCHONG** - Kerajaan Negeri Selangor menggunakan pendekatan 'berterus terang' semasa membincangkan masalah dan aduan masyarakat setempat dalam sesi bertemu rakyat bersama pimpinan tertinggi negeri di Program Khas Terima Kasih Rakyat (PKTKR).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, pendekatan itu bukan sahaja efisien, malah membuktikan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor tidak hanya pandai menabur janji kosong.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga konsisten dengan keputusan yang dibuat dan sentiasa mencari alternatif bagi menyelesaikan masalah rakyat.

"Saya ambil pendekatan berterus terang supaya tidak membuang masa rakyat. Kalau perkara itu boleh dilakukan, maka kita akan buat. Kalau tidak boleh, kita akan terangkan sebabnya dan cari alternatif lain. Kita tidak mahu

buat janji kosong.

"Saya rasa apa yang penting ialah rakyat mahukan respons yang cepat. Kita mesti cari jalan untuk selesaikan masalah mereka," katanya kepada pemberita dalam sidang media sempena PKTKR Daerah Petaling, di sini, baru-baru ini.

Abdul Khalid berkata, masalah yang diadakan rakyat itu akan diselesaikan dalam tempoh tujuh hari bergantung kepada isu yang dikemukakan.

Sementara itu, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad berkata, sesi bertemu rakyat anjuran Kerajaan Negeri semakin mendapat perhatian, apatah lagi ia satu-satunya medium yang membolehkan masyarakat bertemu pimpinan tertinggi negeri untuk mengutarakan masalah mereka.

Menurutnya, kaedah ini membolehkan pimpinan negeri memahami kehendak rakyat sebelum melaksanakan sesuatu polisi.



**PRIHATIN... Menteri Besar menyerahkan Sijil Simpanan Premium ASB kepada penerima**

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin

Arfa'za Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir **PENGARANG BERITA:** Najib Hashim

**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com, Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Helmy Dawi

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com

# Akhirnya penduduk Kampung Berembang dapat rumah baru

Oleh AFIX REDZUAN

AMPANG - Perasaan gembira dan sebak terpapar di wajah lebih 640 penduduk kampung apabila mereka menerima kunci kediaman pangsapuri baru daripada Kerajaan Negeri Selangor.

Antaranya adalah Wan Kamariah Che Man, 80, seorang peneroka asal Kampung Berembang yang duduk di situ sejak 1964.

Beliau rasa bersyukur dan memuji tindakan prihatin Kerajaan Negeri dalam memastikan hak mereka untuk memilik kediaman akhirnya ditunaikan.

Beliau mengakui, perubahan pemerintahan kerajaan daripada Umno-BN ke Pakatan Rakyat (PR) mampu membantu golongan yang berpendapatan rendah.

"Ini yang kami perjuangkan selama ini. Alhamdulillah... akhirnya terlaksana. Selama ini kami minta bantuan kepada Umno, tetapi tidak ada apa yang kami dapat.

"Terima kasih kepada YB Iskandar dan Azmin Ali kerana bersusah payah dapatkan hak kami untuk mendiami rumah tetap," katanya sebaik menerima kunci untuk unit pangsapuri Berembang Indah.



**Ini yang kami perjuangkan selama ini. Alhamdulillah akhirnya terlaksana. Selama ini kami minta bantuan kepada Umno, tetapi tidak ada apa yang kami dapat.**

**- WAN KAMARIAH CHE MAN**  
penerima kunci



**CERIA... penduduk Kampung Berembang gembira sebaik menerima kunci kediaman baru**

Majlis penyerahan kunci dihadiri Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Abdul Samad dan Adun Bukit Antarabangsa Azmin Ali.

Turut serta Ketua Pegawai Eksekutif Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), Datuk Ahmad Omar, Ketua Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor, Datin Paduka Alinah Ahmad dan Pegawai Daerah Gombak, Zaharin Mohd Saad.

Perasaan gembira ini turut dikongsi Chua Chin Chai, 56, yang menetap di Kampung Berembang selama lebih 20 tahun.

"Saya gembira. Sudah dekat 9 tahun lebih tunggu rumah ini, akhirnya dapat. Rasa senang hati sangat," luah beliau dengan nada gembira.

Projek Pangsapuri Berembang Indah dimulakan pada 2005 namun gagal disiapkan ekoran beberapa masalah teknikal.

Pada tahun 2008, kerajaan negeri mengarahkan pemaju supaya menyiapkan projek ini dengan kemudahan tersusun dan terancang.

Pangsapuri ini dilengkapi dengan 7 buah lif, 385 petak meletakkan kenderaan, surau, ruang kedai, tandas awam, dewan orang ramai dan gelanggang serbaguna. Ia dibangunkan oleh Syarikat Perspektif Masa Sdn Bhd (PMSB).

Pangsapuri ini merupakan penempatan semula bagi 649 keluarga penduduk Kampung Berembang yang terjejas dengan projek pembangunan di kawasan itu.



**Saya gembira, Sudah dekat 9 tahun lebih tunggu rumah ini, akhirnya dapat. Rasa senang hati sangat**

**- CHUA CHIN CHAI**  
penerima kunci

**"Kemahiran Menjamin MASA DEPAN ANDA"**

# INPENS

INTERNATIONAL COLLEGE





**Jika Anda SIHAT dan mempunyai MINAT !!!**

**Sila datang terus untuk MENDAFTAR di Kampus INPENS bagi merebut PELUANG TERAKHIR KEMASUKAN SESI JULAI pada 10 hingga 24 JULAI 2012.**

**Tajaan Penuh oleh Kerajaan Negeri jika memiliki syarat-syarat berikut:**

1. Pemohon atau ibubapa pemohon lahir di Negeri Selangor.
2. Telah bermastautin lebih 5 tahun di Negeri Selangor.
3. Berumur 17 tahun ke atas.
4. Menduduki SPM.
5. Pendapatan ibubapa tidak melebihi RM2,000 ke atas.

**Jangan Lepaskan Peluang!!!**  
**Rebutlah Kemudahan Pengajian Di INPENS**



**Kursus-Kursus Yang Di Tawarkan:**

1. Juruteknik Kenderaan Motor (Automotif)
2. Juruteknik Elektrik
3. Juruteknik Motosikal
4. Juruteknik Elektronik Industri (Peralatan)
5. Juruteknik Sistem Komputer
6. Juruteknik Penyejukan & Penyejukan Udara
7. Pendandan Rambut
8. Juru kecantikkan
9. Pembuat Pakain Wanita

**INPENS INTERNATIONAL COLLEGE**  
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 2619 Faks : 03-3281 2627  
Email : inpens@inpens.edu.my  
www.inpens.edu.my

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali bertemu masyarakat di Pulau Ketam sambil memberi bantuan barang-barang keperluan kepada 250 orang miskin, ibu tunggal dan mereka yang kurang sihat



TERBAIK... Exco Pertanian, Dr Yaakob Sapari bersama penduduk Sabak Bernam selepas selesai meninjau hasil padi menerusi kaedah 'Natural Farming' yang mampu mengurangkan kos bahan racun, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah



Adun Teratai Jenice Lee dengan ditemani Guru Besar dan Pengerusi PIBG bertemu para pelajar SRA Kampung Cheras Baru sewaktu merasmikan pondok menunggu bas di sekolah berkenaan

Adun Taman Medan, Haniza Talha, hadir merasmikan program Karnival Belia Petaling Jaya Selatan bersama artis jemputan Sham Kamikaze dan Yatt Hamzah di Dataran Anak Muda



Program Jom Shopping Si Manja Tawas Fasa 1 DUN Kuang dan DUN Rawang. Ahli Parlimen Selayang, William Leong Jee Keen dan Adun Rawang, Gan Pei Nei, hadir menemani peserta program membeli-belah di Giant Rawang



Adun Bangi, Dr Shafie Abu Bakar, merayakan Pasukan Bola Sepak West Country Bangi yang menjadi Naib Johan Liga Bola Sepak Selangor (FAS) di Restoran Sharifah



Penyelaras DUN Paya Jaras, Khairuddin Othman (tiga dari kiri) bergambar kenangan bersama penerima Bantuan Pendidikan Sekolah Agama Rakyat DUN tersebut



PENYAYANG... Adun Meru, Dr Rani Osman beramah mesra dengan kanak-kanak tadika yang mengambil bahagian dalam Karnival Mesra Rakyat DUN Meru di Padang Awam, Jalan Kopi, Kampung Bukit Kapar

Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan anggota jawatankuasa kempen Zon Bersih, mengadakan Majlis Pelancaran 'Kempen Buanglah Sampah Di Tempat Sepatutnya' di Bazar Melawati, Taman Melawati



# Warta tanah untuk bina sekolah

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SRI MUDA** - Kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat (PR), komited memperkasa pendidikan di negeri ini dengan mewartakan tanah seluas empat ekar untuk pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Khe Beng (B) di Kota Kemuning, di sini.

Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie berusaha agar pendidikan terus diberi keutamaan, khususnya menyediakan prasarana yang baik dan mencukupi kepada semua bangsa.

“Usaha ini kita lakukan kerana tapak sekolah itu sekarang hanya seluas 0.9 ekar dan pelajarannya lebih daripada 1,700 orang.

“Sekolah ini tidak mempunyai padang dan juga dalam keadaan sempit,” kata Shuhaimi.

Tambah Shuhaimi, pihaknya bekerjasama dengan pihak pemaju di kawasan ini untuk menggazetkan tanah yang sesuai bagi pembinaan sekolah itu.

Ujarnya, pihak pemaju menyediakan tanah seluas 12.11 ekar untuk digunakan sebagai tapak sekolah bersepadu yang meliputi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil dan Cina di kawasan itu.

Untuk tujuan ini, seluas em-



pat ekar untuk Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Khe Beng (B) yang merupakan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan yang terletak di Batu 8, Jalan Bukit Kemuning, diberi.

“Baki 8.11 ekar akan diserahkan kepada dua jenis sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan dan juga Sekolah Jenis Tamil.

“Kita dah usulkan dan pihak kerajaan negeri sudah bersetuju untuk mewartakan tanah tersebut,” katanya.

Tambah beliau lagi, daripada 12.11 ekar yang disediakan pemaju, hanya empat ekar diwartakan untuk pembinaan sekolah manakala bakinya dalam proses untuk dibawa ke Kerajaan Negeri

bagi mendapatkan kelulusan agar tanah itu juga diwartakan bagi pembinaan sekolah.

“Kita menyeru Kerajaan Pusat untuk pertimbangkan permohonan daripada pengerusi lembaga sekolah untuk pembinaannya sebaik sahaja pihak berkuasa tempatan (PBT) selesai lakukan kerja-kerja teknikal,” kata Shuhaimi.

**KERJASAMA... rezab tanah sekolah telah diperuntukkan Kerajaan Negeri, tunggu tindakan Kerajaan Pusat sahaja**

**PUSAT KHIDMAT RAKYAT DUN SRI MUDA**

No. 6/2 Jalan Anggerik Vanilla, R 31/R Kota Kemuning 40460 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5122 0050  
Fax: 03-5122 1550

Pn Zaiton bt Md Daud 012-292 7171  
Shaari B. Mohd 012-272 9305  
Emel: shuhaimi@selangor.gov.my  
Blog: <http://srimuda.blogspot.com>

## Peniaga bazar Ramadan diingat jaga kebersihan

**PENIAGA**-peniaga yang mengendalikan urusan niaga di bazar Ramadan diperingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan premis dan juga produk jualan juadah terbuka puasa demi memastikan kesihatan masyarakat.

Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie berkata, mereka yang terlibat dalam bazar Ramadan ini agar mengikut peraturan yang ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga Kementerian Kesihatan.

“Mereka yang mengendalikan jualan makanan ini perlu mendapatkan suntikan yang ditetapkan pihak Kementerian Kesihatan demi memastikan keselamatan makanan yang dijual,” kata Shuhaimi.

Shuhaimi juga menyarankan agar PBT dan Kementerian Kesihatan menjalankan pemeriksaan berkala terhadap bazar-bazar Ramadan demi memasti-

kan peraturan yang ditetapkan dipatuhi.

“Ada sesetengah kes di kawasan perniagaan itu tidak sesuai dan kemas dengan lalat serta sebagainya boleh menyumbang kepada faktor keracunan makanan.

“Pihak penguat kuasa juga boleh bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan untuk memantau aktiviti meminta derma yang didalangi warga asing yang kurang dipantau,” katanya.

Tambah Shuhaimi, antara aktiviti yang dirancang DUN Sri Muda dalam mengimarahkan sam-utan bulan Ramadan ialah

menziarahi surau-surau dan masjid sekitar kawasan.

“Di setiap persinggahan di setiap masjid dan surau, kita akan salurkan sumbangan kepada golongan fakir miskin daripada Kerajaan Negeri, pihak Jabatan Agama Islam (Jais) dan pejabat DUN.

“Antara aktiviti yang dirancang ialah pihak DUN menjemput Imam Muda yang kebetulan Imam Muda itu tinggal di DUN Sri Muda ini di Seksyen 23, Shah Alam.

“Jadi saya akan bawa beliau bersama-sama dalam tazkirah Ramadan yang dijangka akan ada empat kali bersama Imam Muda ini,” kata Shuhaimi.

**PBT dan Kementerian Kesihatan menjalankan pemeriksaan berkala terhadap bazar-bazar Ramadan demi memastikan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi**

**- SHUHAIMI SAID Adun Sri Muda**

## 31 projek dilulus melalui

**SEBANYAK** 31 projek sudah diluluskan melalui peruntukan Geran Selangorku di sekitar DUN Sri Muda yang sehingga kini memasuki fasa keenam.

Adun Sri Muda, Shuhaimi Shafie berkata, daripada 31 projek ini sebanyak 20 projek sudah dilaksanakan manakala empat projek dalam status menunggu.

“Keseluruhan projek yang dipohon ialah berjumlah 65 projek, iaitu projek menaik taraf jalan, parit dan longkang serta menaik taraf parit tanah kepada jenis cul-

vert,” ujar Shuhaimi.

Projek-projek yang siap dilaksanakan ialah 11 projek di Jalan Kebun, lima projek di Kampung Bukit Naga, dua projek di Kampung Hicom, terdapat dua dan lima projek di Seksyen 27.

“Keseluruhannya ia sudah mencapai kira-kira 44 peratus daripada jumlah keseluruhan projek yang diajukan kepada pihak kerajaan negeri.

“Jalan-jalan yang menjadi runtuhan banyak pihak, yang mengalami kerosakan dan berlubang



Jalan Haji Yusuf Kampung Bukit Naga yang siap diturap



**SEDIA BERKHIDMAT... DUN Kota Anggerik dekati rakyat**

# Kiosk Bergerak dekati rakyat

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**KOTA ANGERERIK** - Dalam usaha mendekati rakyat dan memberikan khidmat terbaik, Pejabat Khidmat DUN Kota Anggerik mengambil pendekatan proaktif melalui konsep mesra rakyat dengan menyediakan perkhidmatan Kiosk Bergerak di seluruh kawasan DUN.

Menurut Pegawai Khas DUN Kota Anggerik, Shamsul Firdaus, khidmat Kiosk Bergerak yang dilaksanakan itu menye-

**PUSAT KHIDMAT DUN KOTA ANGERERIK**  
No. 3a Jalan Tengku Ampuan Zabedah 9/B  
Seksyen 9, 40000 Shah Alam,  
Tel: 03-5511 7781  
Fax: 03-5511 7782  
Saravanan: 014 333 5708 /  
010 219 4055  
Eja: 013 3998243

diakan perkhidmatan bagi membolehkan rakyat mendapatkan info program Merakyat-kan Ekonomi Selangor (MES)

**BERSAMA ANAK MUDA SHAH ALAM...** Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari beramah mesra dengan generasi muda pada Pertandingan Futsal Piala DUN Kota Anggerik yang diadakan di Triways Futsal Center, Shah Alam baru-baru ini. Ia diadakan bertujuan menyemai semangat kesukanan dan mengeratkan hubungan erat antara pemimpin dan anak muda.



dan pendaftaran pengundi.

Ujarnya melalui perkhidmatan ini, masyarakat setempat boleh secara terus mengemukakan aduan yang dihadapi bagi tindakan susulan dengan pantas.

"Kita juga menyediakan khidmat untuk pendaftaran seperti Hadiah Anak Masuk Universiti, Skim Mesra Usia Emas, Skim Mikro Kredit, Skim Kesihatan Wanita (Mammogram), Skim Mimbar dan daftar pemilih SPR," kata Shamsul.

Jelas beliau lagi, maklum balas yang diterima masyarakat amat baik dan mengagap perkhidmatan bergerak ini diteruskan dari masa ke semasa kerana ia memberikan kemudahan kepada masyarakat berinteraksi secara terus dengan pusat khidmat DUN dan juga wakil rakyat.

"Kaunter bergerak sudah tiga minggu berturut-turut di buka. Alhamdulillah... mendapat reaksi positif rakyat terutama dalam bab berkaitan program

MES dan pengundian.

"Kaunter-kaunter berkenaan dibuka sebelum ini adalah di Kompleks PKNS Shah Alam, Pasaraya Tesco Extra Shah Alam dan Masjid Al-I'tisam Taman Tun Dr Ismail Jaya. Insya-Allah akan digerakkan di kawasan lain lagi di masa hadapan," kata Shamsul.

Kiosk Bergerak yang dibuka bermula jam 10 pagi sehingga 4 petang yang dijalankan itu turut dihadiri Adun Dr Yaakob Sapari.

# Geran Selangorku

secara keseluruhannya sudah diambil tindakan," kata Shuhaimi.

Jelas beliau, terdapat beberapa kelemahan kecil pelaksanaan ini apabila pihak Adun tidak dimaklumkan berkenaan projek-projek jalan yang diturap menyebabkan berlakunya kurang kesempurnaan penurapan jalan.

"Bila pihak kontraktor menurap jalan, mereka tidak menurap di tempat yang sebenarnya, yang kadang-kadang menurap di hujung serta meninggalkan kawasan yang sepatutnya diturap," katanya.

**Jalan-jalan yang menjadi rungutan banyak pihak, yang mengalami kerosakan dan berlubang secara keseluruhannya sudah diambil tindakan**

**- SHUHAIMI SAID**  
Adun Sri Muda

Shuhaimi mencadangkan Kerajaan Negeri dan pihak yang bertanggungjawab agar melaksanakan pemantauan dengan teliti projek ini.

"Perlu dipanggil wakil-wakil pejabat DUN kerana kita lebih mengetahui sesuatu kawasan berbanding orang daripada tempat lain yang tidak arif.

"Penekanan perlu diberikan kepada anak tempatan, khususnya orang-orang yang memohon seperti Ketua Kampung, ahli majlis dan pihak yang membuat permohonan," katanya.



## JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut:-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN PUTRA-JAYA KE SIMPANG TIGA JENDERAM/ JALAN BANGI LAMA, DAERAH SEPANG, SELANGOR. PAKEJ A1: MENAIKTARAF JALAN TERAS JERNANG DAN JALAN-JALAN INSTITUSI, DAERAH HULU LANGAT, SELANGOR. No.Tender : JKR/SEL(N) 053(T)/ 2012	T1	Bumiputera <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri, Selangor</i>	PKK Kelas : A  Kepala : I Sub. Kepala: 1  Kepala: IV Sub. Kepala: 1, 2(b) 3(b), 3(c), 3(d), 8	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam.  Pada 30.07.2012 (Isnin) hingga 13.8.2012 (Isnin)	Lawatan Tapak Digalakkan. Sila berhubung dengan Bah. Jalan : 03-55447701 atau Bah. Kontrak & Ukur Bahan : 03-55447755	RM 700.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos)  Atas Nama Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak&Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor  28.8.2012 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- \*Jenis Pendaftaran:
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
  - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
  - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
  - T2 - Tidak berkenaan

# Satu lagi maahad tahfiz terima biasiswa Yayasan Selangor

KLANG - Keprihatinan Kerajaan Negeri melalui Yayasan Selangor memberi biasiswa kepada maahad tahfiz membuka lembaran baru dalam arena pendidikan yang sebelum ini seolah-olah telah menganaktirikan golongan pelajar tersebut.

Terbaru, Yayasan Selangor menyumbang biasiswa sebanyak RM116,900 kepada 170 pelajar tingkatan tiga dan empat Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS) di sini, baru-baru ini.

“Sumbangan sebegini bukan sahaja dapat meringankan beban ibu bapa kami, tetapi juga beri semangat kepada kami un-

tuk terus belajar dan cemerlang dalam pelajaran.

“Malah ia merupakan amanah yang harus dijaga dengan baik dan tidak boleh dipersiayakan,” jelas Shahrul Hanif Fadli, 16, yang memperolehi keputusan cemerlang 9A dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) tahun lalu.

Sumbangan berupa cek itu disampaikan Exco Pendidikan, Dr Halimah Ali pada satu majlis di Pusat Sumber Pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais). Yayasan Selangor turut menyumbang RM2,000 tambahan kepada MITS bagi aktiviti pelajar.

Pengetua MITS, Syekhul Ma-



**BERSYUKUR... para pelajar gembira dan menyambut baik biasiswa yang diberikan Yayasan Selangor**

## CASCADES

KOTA DAMANSARA

### UNIT BUMIPUTERA TERHAD SAHAJA

RESIDENSI

KORPORAT

KUNJUNGI KAMI DI  
SOLARIS, MONT'KIARA, BLOCK J, LEVEL 8 (SOHO KL)  
PEJABAT JUALAN MEMBUKA ISNIN - JUMAAT (8.45PG - 5.45PTG)

- Hanya 700 meter dari stesen MRT cadangan.
- Tertletak di kawasan komersial Kota Damansara dan dihubungkan dengan lebuh raya utama seperti LDP, Penchala Link dan NKVE.
- Perbandaran matang dengan kemudahan seperti Pasaraya Giant, Sunway Giza, IKEA, The Curve, Pusat Membeli-belah 1 Utama, Tropicana Golf & Country Club, Pusat Perubatan Tropicana dan Kolej Segi.

**Promosi Istimewa**

- Diskaun bumiputera: Korporat 10% / Residensi 7%
- Bayaran pendahuluan hanya 5%\*
- Tanpa faedah semasa pembinaan\*
- Bayaran guaman SPA ditanggung oleh pemaaju\*

Mitraland Kota Damansara Sdn Bhd [879551-14] J-8-13 to 16, No. 2, Jalan Solaris, Solaris Mont'Kiara, 50480 Kuala Lumpur. T: 603 6204 0828 / 016 401 2116 F: 603 6204 0868 E: enquiries@cascade-kd.com.my www.cascades-kd.com.my

Cascade Residensi Lesen Pemaju: 11429-1/12-2011/438 (Tarikh Sah laku: 14/12/2010 - 11/12/2015) • Peruntukan: 1143911/2002/2112 (10) (Tempoh Sah laku: 29/12/2011 - 29/12/2012) • Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pejan Dangan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No Kelulusan Pejan: MBPJ/12210017/P10/1993/2013 • Tarikh Saip: Januari 2014 • Pegangan Tanah: Pegangan Pagar (Tarikh luput: 21/02/2134) • Hakmilik Tanah: Dipegang kepada Affin Berhad Bank • Jumlah Unit: 37 • Harga Minimum: RM441,870 • Harga maksimum: RM849,420 • Diskaun 7% untuk Bumiputera • Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipinjam, dipejam atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa. \*Tertakluk kepada terma dan syarat

qari Othman Hamzah dalam ucapannya berkata, sumbangan tersebut menjadi penyuntik semangat kepada pelajar untuk lebih komited terhadap visi maahad dalam melahirkan golongan insan yang celik al-Quran.

“Semoga suatu hari nanti kita ada golongan yang digelar ‘proniq’, iaitu golongan profesional yang bukan sahaja

mampu menghafaz al-Quran malah mengamalkannya,” ujar Othman.

Turut hadir dalam program tersebut, Pengurus Kanan Jabatan Pendidikan Yayasan Selangor, Zahura Zakry, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan Jais, Mohd Amir Danuri serta Ketua Bank Simpanan Nasional (BSN) Damansara, Eddie Affendi Mokhtar.



**CEGAH JENAYAH... saranan parkir khas wanita dibuat NGO kawasan Pandan berikutan beberapa serangan terhadap wanita yang berlaku di tempat letak kereta pasar raya. Saranan tersebut dibuat dengan menyerahkan memorandum mengenai perkara tersebut kepada pengurusan pasar raya Tesco Ampang dengan ditemani Adun Chempaka, Iskandar Samad**

# MBSA bantu golongan kurang bernasib baik

SHAH ALAM - Seramai 15 keluarga kurang bernasib baik, gembira apabila menerima sumbangan barangan keperluan asas dan wang tunai sempena Ramadan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Sumbangan disampaikan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan, Timbalan Datuk Bandar, Mohtar Hani dan Timbalan Setiausaha, Roslan Darus.

Mereka yang menerima sumbangan terdiri daripada ibu tunggal, golongan miskin dan orang kelainan upaya (OKU) di Padang Jawa, Kampung Sungai Kandis dan Kampung Jalan Kebun.

Penerima, Azizah Shaari, 48,

berkata, dia bersyukur kerana ada pihak sudi membantu ketika umat Islam sedang menjalani ibadat puasa.

"Saya bersyukur dengan sumbangan yang diterima, sekurang-kurangnya ia dapat bantu golongan seperti saya," katanya yang mempunyai 7 anak.

Sementara itu, Ismawati Che Wail, 44, pula berkata, sumbangan tersebut dapat menampung sedikit sebanyak dalam penyediaan keperluan harian dalam bulan Ramadan ini.

"Ia sangat bermakna kepada golongan ibu tunggal seperti saya yang mempunyai empat orang anak," kata Ismawati Che Wail, 44.

Sementara itu, Mohd Jaafar berkata, sumbangan itu bertujuan meringankan beban golongan kurang bernasib baik di sekitar Shah Alam untuk mengerjakan ibadah puasa dengan penuh keceriaan dan kegembiraan.

Katanya, sepanjang bulan Ramadan ini, pihaknya akan memberi sumbangan kepada 107 orang daripada golongan warga emas, OKU, ibu tunggal dan keluarga yang berpendapatan rendah serta tanggungan ramai.

Beliau berkata, dengan sumbangan itu diharap golongan berkenaan tidak rasa disisihkan daripada golongan lain.



Datuk Bandar menziarah sambil menghulurkan sumbangan

## Longkang dan parit tersumbat

# Kerja-kerja pembersihan sentiasa dijalankan

KLANG - Kerja-kerja pembersihan longkang dan parit sentiasa diadakan mengikut jadual oleh Majlis Perbandaran Klang (MPK) serta mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam, Norfiza Mahfiz berkata, kerja-kerja pembersihan yang dilakukan Jabatan Kejuruteraan sentiasa dipantau bagi memastikan keberkesanan gerak kerja yang dilakukan itu.

Menurutnya, pihak majlis sering menerima aduan berulang, berkaitan longkang tersumbat dan keadaan itu agak kritikal terutama di lokasi yang didiami warga asing terutamanya sekitar Meru.

"Keadaan sekitar Jalan Teratai dan Taman Meru 1, serta Jalan Puding merupakan tempat yang sentiasa diberi perhatian oleh majlis kerana ia merupakan lokasi yang sering tersumbat dan menimbulkan banyak masalah kepada penduduk setempat.

"Namun demikian, selain daripada kerja-kerja pembersihan, kita juga mengharapkan agar masyarakat setempat menghargai kebersihan di ka-



TERSUMBAT... MPK sedang melakukan kerja-kerja pembersihan bagi memastikan keselesaan penduduk

wasan masing-masing dengan tidak membuang sampah ke dalam longkang berdekatan," katanya.

Norfiza berkata, sikap penduduk setempat juga masih tidak berubah dan keadaan makin serius apabila kawasan berhampiran juga dipenuhi dengan warga asing yang se-

memangnya kurang menghargai kebersihan di sekeliling mereka.

Menurutnya, pihak majlis mengalu-alukan sebarang aduan dan pandangan daripada masyarakat setempat dan orang ramai bolehlah menghubungi talian 03-33714044 atau 1 800 8823826 untuk tujuan itu.

## Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilaporkan? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
Tel : 03-6064 1331 SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
www.mpklang.gov.my  
Kutipan Sampah  
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif )  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);  
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825  
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**  
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**  
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
www.mps.gov.my  
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
www.mbsa.gov.my  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**  
www.mpsj.gov.my  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
www.mbpj.gov.my  
Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)  
SMS: Taip "MBPJADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213





## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau  
03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rangkaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
emel: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT** Pejabat Setiausaha Kerajaan  
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3,  
Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau  
03-55110659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5518 7735, Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
Laman Web : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,  
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza  
Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Emel: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,  
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312  
Fax : 03-551055829  
Laman Web http://www.skimsel.com

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rangkaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/  
55447391  
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com

# 6,000 pokok bakau ditanam di pesisir pantai

Oleh HAFIZAN TAIB

**PELABUHAN KLANG** - Sebanyak 6,000 pokok bakau ditanam dalam tempoh tiga tahun dalam usaha menghijaukan bumi dan memelihara alam sekitar.

Usaha tersebut adalah sebahagian daripada rancangan menanam 10,000 pokok bakau dalam masa lima tahun bermula dari 2010 di sekitar Selangor.

Ia dilakukan Persatuan Bulan Sabit Merah Selangor bersama Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perhutanan Selangor.

Pengerusi Bulan Sabit Merah Selangor, Fatimah Sulaiman berkata, pihaknya berbangga kerana program tersebut berjaya dijalankan dalam masa tiga tahun dan berharap ia mencapai sasaran dalam dua tahun lagi.

"Program pertama pada 2010, kita jalankan di Kuala Selangor



Persatuan Bulan Sabit Merah turun padang jayakan program

dan tahun lalu di kawasan timur Kampung Teluk Gong ini. Tahun ini kita sambung di kawasan barat di kampung sama.

"Program ini melibatkan semua ahli masyarakat, terutama ahli Bulan Sabit Merah Selangor, demi memberi pendidikan dan pengetahuan mengenai penana-

man pokok bakau dan penjagaan alam sekitar.

"Ia juga bawa banyak manfaat terutama kepada kawasan persisiran pantai sebagai langkah berjajaga menghadapi bencana alam seperti tsunami," katanya.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) atas sokongan mereka.

Fatimah berkata demikian dalam sidang media selepas majlis perasmian Program Menanam Pokok Bakau di Kampung Teluk Gong di sini, baru-baru ini.

Program tersebut dirasmikan Yang Dipertua Pekawanis yang juga isteri Menteri Besar Selangor, Puan Sri Salbiah Tunut.

**Salbiah (tengah) bersama Fatimah, menyingsing lengan menanam anak pokok bakau**



## Kelas untuk tarik remaja ke masjid

**KUALA LANGAT** - Bagi menarik lebih ramai anak muda ke masjid dan surau di sekitar Sijangkang, program ulang kaji pelajaran akan diadakan melalui pejabat DUN Sijangkang.

Cadangan itu timbul setelah melihat program mengimarahkan masjid dan surau kurang mendapat sambutan anak muda kerana tidak menepati cita rasa mereka, kata Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi.

Program ulang kaji itu sebahagian daripada kempen Remaja Masjid yang akan bermula selepas waktu Maghrib dan berakhir pada Isyak.

"Pada peringkat DUN, saya belikan kerusi dan meja. Satu masjid kita sumbangkan empat buah meja dan 32 buah kerusi.

"Kita akan buat pendaftaran dan mereka yang datang untuk menelaah pelajaran sambil dipantau seorang guru dari kawasan

setempat," katanya pada majlis pemberian sumbangan kewangan Iftar Ramadan bagi masjid dan surau Sijangkang di Telok Panglima Garang di sini.

Selain itu, Exco Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan itu turut berhasrat mengadakan program Huffaz peringkat rendah di setiap masjid dengan sasaran setiap pelajar mampu untuk menghafal tiga juzuk al-Quran setahun.

"Pada yang berjaya kita beri-

kan galakkan dengan menghantar mereka mengerjakan umrah dan saya kira masjid-masjid mampu dengan kerjasama DUN.

"Walaupun galakan berbentuk wang ringgit, tetapi sudah tentu ia akan beri lonjakan positif kepada anak muda," katanya.

Pada majlis tersebut, lapan buah masjid dan 34 buah surau, masing-masing menerima RM1,000 hasil sumbangan pejabat DUN Sijangkang.



Dr Yunus serahkan sumbangan kepada wakil masjid dan surau

## Masjid Negeri edar bubur lambuk sepanjang bulan Ramadan

Orang ramai berbaris untuk dapatkan bubur lambuk dan kurma daripada petugas masjid



SHAH ALAM - Orang ramai berbaris mendapatkan bubur lambuk dan kurma di pekarangan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (MSSAAS) sempena Majlis Pengagihan Bubur Lambuk dan Buah Kurma sepanjang Ramadan ini.

Dalam majlis tersebut, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menasihatkan orang ramai supaya menggunakan kesempatan Ramadan ini untuk membina jati diri, di samping memanfaatkan amalan murni dengan melaksanakan segala perintah Allah SWT.

"Bulan yang penuh keberkatan ini merupakan masa gembira kepada orang yang beriman kerana setiap saat, ada ganjaran pahala yang berganda melebihi yang biasa.

"Bagi saya ia merupakan satu pelaburan yang akan dapat pulangan berlipat kali ganda," katanya.

Pada program itu, Menteri Besar turut mengagihkan bubur lambuk dan kurma kepada jemputan khas dan jawatankuasa masjid sebagai melancarkan agihan bubur lambuk dalam Program Ihya Ramadan MSSAAS.

# Diisytihar sah, BERSIH 2.0 teruskan tuntutan

Oleh LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Pengerusi Bersama Bersih 2.0, Datuk A Samad Said berasa lega dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mengisytiharkan gabungan itu sah.

Dengan keputusan itu, beliau yang dihubungi melalui panggilan telefon berkata, Bersih 2.0 akan meneruskan agenda memperjuangkan tuntutan pilihan raya yang bersih dan adil.

"Kita akan mengadakan rundingan dan perbincangan untuk menentukan pelan tindakan yang selanjutnya.

"Sekiranya ada keperluan untuk mengadakan sebarang tindakan mahupun perhimpunan aman, kemungkinan besar ia hanya akan berlaku selepas bulan puasa ini," jelasnya yang lebih mesra dipanggil Pak Samad.

Mengulas lanjut, Sastarawan Negara itu juga turut berkongsi kerusungannya bersama anggota Bersih yang lain mengenai kemungkinan keputusan mahkamah yang tidak menyebelahi Bersih.

"Namun, kami sentiasa percaya dan yakin sebelum ini bahawa apa yang kami



PERJUANGAN... Pak Samad dan Marina Chin meraikan kegembiraan bersama penyokong di pekarangan mahkamah

perjuangkan ini adalah sah dan halal.

"Dari kepercayaan dan keyakinan itulah kami bergerak demi satu perjuangan yang berlandaskan demokrasi yang bersih.

"Akhirnya keputusan mahkamah juga turut bersama kami merestui perjuangan suci membela demokrasi demi rakyat dan masa depan negara," tambahnya.

Sebelum ini Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein dan Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengisytiharkan gabungan NGO Bersih sebagai sebuah pertubuhan haram pada 1 Julai tahun lalu, kira-kira seminggu sebelum perhimpunan yang diadakan pada 9 Julai di ibu negara.

## RM28,000 untuk masjid dan surau di Subang Jaya



Hannah bersama wakil masjid dan surau Subang Jaya

SUBANG JAYA - Sebanyak enam buah masjid dan 16 buah surau di seluruh kawasan DUN Subang Jaya menerima sumbangan berjumlah RM28,000 bagi menampung aktiviti bulan Ramadan.

Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh berkata, setiap masjid diberi RM2,000, manakala RM1,000 diagihkan kepada setiap surau.

Beliau berharap sumbangan wang tunai dapat meningkatkan kegiatan keaga-

maan di masjid dan surau sepanjang Ramadan ini.

"Selain wang tunai, kita juga menyumbangkan kurma dan majlis berbuka puasa. Sumbangan ini diberikan awal Ramadan bagi meringankan kos dan beban pihak masjid dan surau.

"Sumbangan ini memang diberikan setiap tahun sejak 2008 lagi," katanya, yang menyampaikan cek kepada semua wakil rumah ibadah baru-baru ini.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
27 JULAI - 3 Ogos 2012							
7 - 14 RAMADAN 1433							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:41	5:51	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43
28 Sabtu	5:41	5:51	7:12	1:23	4:44	7:30	8:43
29 Ahad	5:41	5:51	7:12	1:23	4:44	7:30	8:43
30 Isnin	5:41	5:51	7:12	1:22	4:44	7:30	8:43
31 Selasa	5:41	5:51	7:12	1:22	4:44	7:30	8:43
1 Rabu	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:30	8:42
2 Khamis	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:29	8:42
3 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:29	8:42
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Jumaat	5:43	5:53	7:14	1:25	4:47	7:32	8:46
28 Sabtu	5:43	5:53	7:14	1:25	4:46	7:32	8:45
29 Ahad	5:43	5:53	7:14	1:25	4:46	7:32	8:45
30 Isnin	5:43	5:53	7:14	1:24	4:46	7:32	8:45
31 Selasa	5:43	5:53	7:14	1:24	4:46	7:32	8:45
1 Rabu	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:32	8:44
2 Khamis	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:32	8:44
3 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:31	8:44

## DAPATKAN Selangor Kini

- Pejabat Adun / Pusat Khidmat Wakil Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Masjid Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Surau - surau Terpilih



E-paper Selangor Kini boleh dibaca di [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)



## Menteri Besar dihalang sampaikan sumbangan kepada sekolah

Oleh AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mem-bidas tindakan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) menghalang Menteri Besar meng-hadiri majlis penyerahan sumbangan yang berlangsung di SMK Sultan Sulai-man, Bestari Jaya, baru baru ini.

Tindakan tersebut membuktikan mereka tidak hormati tugas dan tanggungjawab Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai seorang wakil rakyat, iaitu Adun Ijok. Ia juga menun-jukkan sikap tidak malu JPN yang menerima sumbangan RM24,000 daripada Kerajaan Negeri, tetapi tidak sudi Abdul Khalid meng-hadiri majlis pemberian sumbangan itu.

Setiausaha Politik Menteri Besar, Fa-ekah Hussin berkata, tindakan itu menin-das wakil rakyat Pakatan Rakyat (PR) ke-rana jabatan itu tidak pernah menghalang mana-mana wakil rakyat Umno-BN meng-hadiri program sekolah.

“Jika benar mahu laksanakan peratur-an yang tidak membenarkan ahli politik menghadiri program di sekolah, kuat kuasa kepada semua wakil rakyat dan ahli politik.

“Namun ini tidak berlaku. Sekatan ini hanya dikenakan kepada wakil rakyat daripada Pakatan. Ini jelas membuktikan Jabatan Pelajaran lari daripada tanggung-jawab penubuhannya dan lebih berminat bermain politik,” katanya.

Minggu lepas Abdul Khalid, sebagai Adun Ijok tidak dibenarkan untuk me-nyertai majlis sumbangan ke SMK Sultan Sulaiman di Bestari Jaya walaupun beliau dijemput oleh syarikat yang mahu mem-beri sumbangan tersebut.

Abdul Khalid juga menyumbang RM



**BERSEMANGAT...** pegawai-pegawai jabatan menyanyikan lagu patriotik sempena pelancaran kempen Jalur Gemilang peringkat Selangor pada Perhimpunan Bulanan Pegawai Kerajaan Negeri Bersama Menteri Besar yang dianjurkan Lembaga Pengurusan Hartanah Selangor

24,000 daripada Kerajaan Negeri.

Halangan tersebut dikeluarkan melalui satu pesanan ringkas (SMS) yang dihantar kepada kakitangan pejabat DUN Ijok. Menurut SMS itu, Menteri Besar atau ma-na-mana wakilnya dihalang menghadiri majlis penyerahan sumbangan.

Faekah berkata, Abdul Khalid selaku wakil rakyat Ijok sewajarnya dijemput menghadiri program berkenaan kerana

beliau turut memberi sumbangan.

Jelas beliau, program tersebut bukan bermotifkan politik, sebaliknya program tanggungjawab sosial.

Beliau berkata, sekatan ini langsung tidak dikenakan terhadap ahli politik Umno-BN yang secara terang-terangan menghadiri atau menganjurkan program berbau politik di sekolah.

“Saya juga dimaklumkan, pemimpin

Umno di Selangor bebas keluar masuk ke sekolah untuk hadir program. Malah, (Ketua Umno Selangor) Datuk Seri Noh Omar juga mengadakan lawatan ke Jaba-tan Pelajaran Negeri baru-baru ini tanpa diketahui atas kapasiti apa.

“Adakah Umno-BN tidak lagi memper-cayai Kemas sehinggakan terpaksa mem-pergunakan Jabatan Pelajaran sebagai mata dan telinga?” katanya.

Untuk informasi & berita terkini  
Layari [www.selangorku.com](http://www.selangorku.com)

**mediaselangorku**

<http://www.selangorku.com/?feed=rss2>  
<http://twitter.com/#!/mediaselangorku/>  
<http://www.facebook.com/MediaSelangorku>

BERITA/ ARTIKEL/ VIDEO